

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
TARIKH : 3.11.2016 (KHAMIS)

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan status terkini skim penyeragaman harga barangan pengguna di Sabah dan Sarawak, seperti yang diumumkan dalam bajet tahun lepas memandangkan masih terdapat rungutan mengatakan bahawa barangan di kedua-dua negeri itu masih tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Penyeragaman Harga yang diumumkan pada bajet tahun lepas telah dilaksanakan sejak tahun 2009. Program ini bertujuan untuk menyeragamkan harga **7 barangan kawalan** iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG) dan Petrol RON 95 dan Diesel (Community Drumming) di kawasan-kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak yang mana penduduk-penduduk di kawasan tersebut terpaksa membayar harga yang tinggi disebabkan kos pengangkutan darat yang tinggi.

Bagi tahun 2016, Kerajaan telah melantik 116 *transporter* bagi menghantar dan membekalkan barangan kepada 4,115 *Point Of Sales* (POS) di 788 kawasan pengedaran di Negeri Sarawak. Manakala di Negeri Sabah, 161 *transporter* telah dilantik bagi mengedarkan barangan ke 3,647 *Point Of Sales* (POS) di 854 kawasan pengedaran.

Melalui program ini, harga barangan tersebut telah diseragamkan pada harga yang ditetapkan seperti di Semenanjung Malaysia. Contohnya di kawasan Sipitang, sebelum program dilaksanakan harga bagi Gas Petroleum Cecair (LPG) (14kg) ialah RM32.00 manakala harga bagi gula ialah RM3.50. Melalui pelaksanaan program ini harga Gas Petroleum Cecair (LPG) (14kg) telah dikurangkan kepada RM26.60 dan harga bagi gula pula adalah RM2.84.